Basement	Tempat Letak Kereta		32	20,000	640,000
Tingkat Bawah	Kedai Pejabat	1,500	2	698,000	1,396,000
Tingkat 1		1,500			
Tingkat 2		1,500			
Tingkat 3		1,000			
Jumlah					2,036,000

3.8.4 Walau bagaimanapun, projek pembangunan lot ini tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Negeri.

3.9 Projek Pembangunan Lot 121 dan 122 dan Lot 14975, Mukim Hulu Kinta

3.9.1 Majlis telah bersetuju menerima cadangan yang dikemukakan oleh Syarikat Pahlawan Fizik Sdn. Bhd. untuk membangunkan Lot 121 dan 122 dan Lot 14975, Mukim Hulu Kinta untuk membangunkan skim pembangunan rumah kedai.

3.9.2 Ringkasan cadangan adalah seperti berikut:

Lokasi	Komponen Pembangunan	Jumlah Harga Jualan Dan Kos Pem- angunan	Pulangan kepada Pemaju	Pulangan Kepada MBI (Bayaran Tunai)
Lot 121 dan 122 (Lahat)	11 Unit Rumah Kedai 2 Tingkat	RM2,858,876 dan RM1,595,000	RM1,263,876	RM571,775 (20% daripada Harga jualan)
Lot 14975 (Menglembu)	32 Unit Rumah Kedai 2 Tingkat dan 1 Lot Perdagangan	RM8,021,163 dan RM4,640,000	RM1,776,930	RM1,604,232 (20% daripada Harga jualan)
Jumlah Pulangan Kepada MBI				RM2,176,007

3.9.3 Walau bagaimanapun, projek pembangunan lot ini tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Negeri.

### 3.10 Simpanan Tetap

Jumlah Simpanan Tetap Majlis pada 31 Disember 2006 adalah sebanyak RM15,000,000. Majlis telah mencagarkan Simpanan Tetap tersebut seperti dibawah:

(a) Overdraf Bank	RM3,000,000
(b) Pinjaman Lori – Malayan Banking Berhad	RM2,000,000
(c) Meter Letak Kereta – Reino	RM3,500,000
<hr/>	
Jumlah	RM8,500,000
<hr/>	

### 3.11 Komitmen Modal

#### 3.11.1 2 Unit Pangsapuri di Bandar Sunway City, Tambun, Ipoh

Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Tujuan-tujuan Am pada 24 Oktober 2005 telah memperakukan kelulusan bagi pembelian 2 unit pangsapuri di Bandar Sunway City, Tambun, Ipoh. Tujuan pembelian ini adalah untuk menyediakan kemudahan kepada pelawat Majlis untuk penginapan dan secara tidak langsung dapat mempromosikan pelancongan di bandaraya Ipoh.

Perjanjian Jual Beli (Alpine Village Apartment Phase 1) dengan Sunway City (Ipoh) Sdn. Bhd. ditandatangani pada 30 Jun 2005. Jumlah harga bagi kedua-dua unit pangsapuri adalah seperti berikut:

(a) Unit M5-T2-292	RM103,348.60
(b) Unit M5-T3-320	RM104,298.60
<hr/>	
Jumlah	RM207,647.20
<hr/>	

Bayaran deposit sebanyak 5% bagi 2 unit pangsapuri yang masing-masing sebanyak RM5,167.43 dan RM5,214.93. Majlis mempunyai komitmen modal sebanyak 95% bersamaan dengan RM197,264.84 bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2006.

Walau bagaimanapun, pembelian ini tertakluk kepada kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

#### 3.11.2 Diluluskan dan dikontrakkan bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Pembaikan Semula Dewan Bandaraya Ipoh bagi tahun 2006 adalah sebanyak RM275,168.

### 3.12 Pelarasan Tahun Lalu

### 3.12.1 Pembetulan Kesilapan Asas

Pelarasan bagi merekod kurangan penilaian semula

Pada tahun 2005, Majlis telah merekod nilai bersih penilaian semula bagi hartanah yang telah dinilai semula pada tahun 2005 tetapi perekodan ini tidak mematuhi peruntukan dalam MASB 15, Hartanah, Loji dan Peralatan. Ini menyebabkan pertambahan pendapatan sebanyak 5,030,622 dalam tahun 2005.

### 3.13 Pemberian kuasa untuk pengisuan

Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Ipoh bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006 telah diberikuasa untuk pengisuan berdasarkan kepada resolusi Datuk Bandar Ipoh dan Ahli Majlis Bandaraya Ipoh yang bertarikh 28 Jun 2007.

### 3.14 Instrumen Kewangan

#### (a) Objektif dan polisi pengurusan risiko kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan Majlis Bandaraya Ipoh adalah untuk memastikan sumber-sumber kewangan yang mencukupi bagi pembangunan operasi Majlis Bandaraya Ipoh sementara menguruskan risiko-risiko kewangan, termasuk risiko pendapatan, risiko kredit, risiko kecairan dan aliran tunai.

##### (i) Risiko pendapatan

Pendapatan Majlis adalah bergantung kepada Dasar Kerajaan Negeri Perak iaitu Pihak Berkuasa Tempatan akan menetapkan dasar belanjawan seimbang dan polisi yang selaras dengan Dasar Kerajaan. Dengan penguatkuasaan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) akan meningkatkan pendapatan Majlis. Dasar Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada belanjawan seimbang iaitu meningkatkan pendapatan melalui pengurusan kutipan yang berkesan dan menguruskan perbelanjaan yang lebih berhemah.

##### (ii) Risiko kredit

Risiko kredit Majlis Bandaraya Ipoh kebanyakannya timbul daripada akaun-akaun belum terima. Akaun-akaun ini adalah dipantau dari semasa ke semasa melalui prosedur-prosedur laporan pengurusan Majlis Bandaraya Ipoh dan tindakan akan diambil bagi hutang-hutang yang telah lama tertunggak. Majlis sentiasa memperkemaskan sistem kutipan tunggakan dan mengambil tindakan tegas dalam mengurangkan tunggakan hasil yang menjurus kepada tunggakan sifar.

Pendedahan maksima kepada risiko kredit bagi aset kewangan yang dikenalpasti merupakan amaun pembawa yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan.

(iii) Risiko kecairan dan aliran tunai

Majlis Bandaraya Ipoh adalah bermatlamat untuk mencapai satu struktur penjanaaan pendapatan yang fleksibel dan kos-efektif, untuk memastikan anggaran keperluan memaksimumkan pendapatan melalui tindakan penguatkuasaan. Tempoh matang hutang-hutang ini adalah distrukturkan dengan cara di mana dapat dipastikan bahawa hutang akan matang dalam satu-satu tahun, di dalam keupayaan Majlis mendapat pulangan pendapatan yang maksima. Majlis mengamalkan perbelanjaan berhemah di dalam menangani masalah aliran tunai sejajar dengan Dasar Kerajaan Negeri.

(iv) Risiko harga pasaran

Majlis terdedah kepada risiko harga pasaran di dalam pembelian barangan dan perkhidmatan. Majlis tidak menangani risiko harga pasaran.

(b) Aset-aset Kewangan

Aset kewangan Majlis Bandaraya Ipoh adalah tunai, simpanan tetap, bayaran deposit, bayaran terdahulu, Inventori (hartanah untuk dijual), penghutang, pinjaman kenderaan anggota dan pinjaman komputer anggota.

(c) Liabiliti Kewangan dan instrumen ekuiti

Instrumen-instrumen liabiliti dan ekuiti adalah diklasifikasikan sama ada sebagai ekuiti atau liabiliti.

Liabiliti kewangan utama Majlis adalah pemiutang, deposit diterima, pinjaman kerajaan persekutuan dan pemiutang pajakan kewangan yang dinyatakan pada nilai nominal.

4. Angka-angka Perbandingan

Angka-angka perbandingan tersebut telah dilaraskan semula bagi menunjukkan pembetulan kesilapan-kesilapan asas yang dinyatakan dalam nota 3.12.

	Selepas Pindaan 2005 (RM)	Sebelum Pindaan 2005 (RM)
Lembaran Imbangan		
Rezab Modal	56,187,380	61,218,002
Lebihan Terkumpul	<u>103,322,132</u>	<u>98,291,510</u>

	Selepas Pindaan 2005 (RM)	Sebelum Pindaan 2005 (RM)
Penyata Pendapatan		
Pendapatan Dalam Tahun – Pelbagai	25,809,025	20,778,403
Lebihan Pendapatan	18,764,578	13,733,956
Penyata Aliran Tunai		
Kurangan Pendapatan	18,764,577	13,733,955
Penilaian Semula	6,201,925	11,232,547

5. Aset Tetap

	Tanah Milikbebas RM	Tanah Pajakan RM	Bangunan RM	Jumlah RM
Hartanah Kos/Penilaian				
Baki Pada 1-1-2006	1,102,000	25,074,865	107,127,400	133,304,265
Tambahan Dalam Tahun	0	0	3,380,723	3,380,723
Pindahan dari KDP	0	0	9,385,575	9,385,575
Baki Pada 31-12-2006	1,102,00	25,074,865	119,893,698	146,070,563
Analisa Kos dan Penilaian 31 Disember 2006				
Penilaian	1,102,000	19,164,600	107,127,400	127,394,000
Kos	0	5,910,265	12,766,298	18,676,563
	1,102,000	25,074,865	119,893,698	146,070,563
Susutnilai Terkumpul				
Baki Pada 1-1-2006	0	415,835	3,271,376	3,687,211
Kadar dikenakan tahun semasa	0	397,589	3,528,727	3,926,316
Baki Pada 31-12-2006	0	813,424	6,800,103	7,613,527
Nilai Buku Bersih				
31 Disember 2006	1,102,000	24,261,441	113,093,595	138,457,036
31 Disember 2005	1,102,000	24,659,030	108,856,024	134,617,054

	Hartanah RM	Loji dan Kenderaan RM	Peralatan RM	Kerja Dalam Perlak- sanaan RM	Jumlah RM
<b>Kos/Penilaian</b>					
Baki Pada 1-1-2006	133,304,265	26,934,421	25,681,964	12,160,263	198,080,913
Tambahan	3,218,223	3,539,540	190,575	829,518	7,777,856
(Kurangan)	0	0	0	(2,213,400)	(2,213,400)
Pindahan dari Inventori	162,500	0	0	0	162,500
Pindahan	9,385,575	0	0	(9,385,575)	0
<b>Baki Pada 31-12-2006</b>	<b>146,070,563</b>	<b>30,473,961</b>	<b>25,872,539</b>	<b>1,390,806</b>	<b>203,807,869</b>
<b>Analisa Kos dan Penilaian</b>					
<b>31 Disember 2006</b>					
Penilaian	127,394,000	0	0	0	127,394,000
Kos	18,676,563	30,473,961	25,872,539	1,390,806	76,413,869
	146,070,563	30,473,961	25,872,539	1,390,806	203,807,869
<b>Susutnilai Berkumpul</b>					
Baki Pada 1-1-2006	3,687,211	25,091,760	22,667,321	0	51,446,292
Kadar dikenakan tahun semasa	3,926,316	1,827,404	1,554,777	0	7,308,497
<b>Baki Pada 31-12-2006</b>	<b>7,613,527</b>	<b>26,919,164</b>	<b>24,222,098</b>	<b>0</b>	<b>58,754,789</b>
<b>Nilai Buku Bersih</b>					
31 Disember 2006	138,457,036	3,554,797	1,650,441	1,390,806	145,053,080
31 Disember 2005	129,617,054	1,842,661	3,014,643	12,160,263	146,634,621

## 6. Kerja Dalam Perlaksanaan

	2006 (RM)	2005 (RM)
(a) Ubahsuaian Pemasangan Sistem Chiller dan Penghawa Dingin Perpustakaan Tun Razak	486,793	486,793
(b) Membina Pasar Kg. Baru, Bercham	74,495	74,495
(c) Greentown Square	0	9,385,575
(d) Estet Perindustrian Pengkalan	0	2,213,400
(e) Pembaikan Dewan Bandaran Ipoh	829,518	0
<b>Jumlah Pada Akhir Tahun</b>	<b>1,390,806</b>	<b>12,160,263</b>

## 7. Inventori - Hartanah Untuk Dijual

	2006 (RM)	2005 (RM)
5 Unit Rumah Kedai, Tmn. Perpaduan	406,250	1,706,250
19 Unit Kedai Pejabat, Estet Perindustrian	4,622,000	0
1 Unit Rumah Teres Dua Tingkat, Tmn. Perpaduan	25,000	25,000
Jumlah Pada Akhir Tahun	5,053,250	1,731,250

## 8. Penghutang

Cukai Taksiran	24,124,467	23,806,274
Caruman Bantuan Kadar	2,908,218	2,978,294
Bayaran Perkhidmatan	2,884,335	2,211,438
Notis dan Denda	1,207,863	486,862
Faedah-faedah	750,087	796,755
Sewaan	6,029,177	3,636,752
Pulang balik Perbelanjaan	4,462,388	3,951,261
Pelbagai	1,674,455	1,552,406
Akaun Penyelesaian Kutipan	276	516
Pendahuluan Diri Anggota Majlis	135,348	9,166
	44,176,614	39,429,724

## Tolak:

## Peruntukan Hutang Ragu

Baki Pada Awal Tahun	11,177,536	5,804,842
Tambahan Dalam Tahun	4,403,230	5,372,694
Baki Pada Akhir Tahun	15,580,766	11,177,536

## Jumlah Pada Akhir Tahun

28,595,848	28,252,188
------------	------------

## 9. Pinjaman Kenderaan

Baki Pada Awal Tahun	491,147	690,027
----------------------	---------	---------

## Tambah:

Kenaan Faedah	16,490	13,227
	507,637	703,254

## Tolak:

Jumlah Bayaran Balik Dalam Tahun	156,292	212,107
Baki Pada Akhir Tahun	351,345	491,147

Pinjaman Kenderaan yang diberikan kepada anggota MBI telah dikategorikan seperti berikut:

	2006 (RM)	2005 (RM)
Jangka Pendek – diterima dalam tempoh 1 tahun	110,931	121,577
Jangka Panjang – diterima selepas 1 tahun	240,414	369,570
	<u>351,345</u>	<u>491,147</u>

#### 10. Pinjaman Komputer

Baki Pada Awal Tahun	38,928	124,574
Tambah:		
Bayaran Balik Dalam Tahun	181	0
Pelarasan Dalam Tahun	663	0
	<u>39,772</u>	<u>124,574</u>
Tolak:		
Jumlah Bayaran Balik Dalam Tahun	35,587	85,646
Baki Pada Akhir Tahun	<u>4,185</u>	<u>38,928</u>

Pinjaman Komputer Secara Islam yang diberikan kepada anggota MBI telah dikategorikan seperti berikut:

Jangka Pendek – Diterima dalam tempoh 1 tahun

Pokok	1,959	26,711
Faedah belum dijelaskan	194	2,544
	<u>2,153</u>	<u>29,255</u>

Jangka Panjang – Diterima selepas 1 tahun

Pokok	1,875	8,923
Faedah belum dijelaskan	157	750
	<u>2,032</u>	<u>9,673</u>
	<u>4,185</u>	<u>38,928</u>



	2006 (RM)	2005 (RM)
11. Pemiutang		
(a) Pemiutang sebenar	5,383,141	4,997,537
(b) Akaun Penyelesaian Kutipan	463,565	272,077
(c) Akaun Penyelesaian Cek Terbatal	94,519	97,954
Jumlah Pada Akhir Tahun	<u>5,941,225</u>	<u>5,367,568</u>
12. Pemiutang Pajakan Kewangan–BIMB		
Jangka Pendek (Dalam Setahun)		
Pokok	634,514.00	582,062.00
Faedah	113,559.00	166,011.00
Bayaran	<u>748,073.00</u>	<u>748,073.00</u>
13. Pemiutang Pajakan Kewangan–SISTEMURUS		
Jangka Pendek (Dalam Setahun)		
Pokok	1,290,420.00	1,205,262.00
Faedah	67,416.00	152,574.00
Bayaran	<u>1,357,836.00</u>	<u>1,357,836.00</u>
14. Pemiutang Pajakan Kewangan–MBB		
Jangka Pendek (Dalam Setahun)		
Pokok	499,436.00	0.00
Faedah	173,935.00	0.00
Bayaran	<u>673,371.00</u>	<u>0.00</u>
15. Rezab Modal		
Baki Pada Awal Tahun	56,187,380	36,150,908
Tambah:		
Lebihan Penilaian Semua	<u>0</u>	<u>25,067,094</u>
	56,187,380	61,218,002
Tolak:		
Kurangan Penilaian Semula	<u>0</u>	<u>5,030,622</u>
Baki Pada Akhir Tahun	<u>56,187,380</u>	<u>56,187,380</u>

	2006 (RM)	2005 (RM)
16. Pinjaman Kerajaan Persekutuan		
Ini terdiri daripada:		
Pinjaman dari Kerajaan Persekutuan		
– Saluran Najis Bandar	11,042,534	11,042,534
	<u>11,042,534</u>	<u>11,042,534</u>
17. Pemiutang Pajak Kewangan–BIMB		
Jangka Panjang (1-2 Tahun)		
Pokok	1,141,507	1,776,020
Faedah	72,896	186,456
	<u>1,214,403</u>	<u>1,962,476</u>
Bayaran		
18. Pemiutang Pajak Kewangan–SISTEMURUS		
Jangka Panjang (1-2 Tahun)		
Pokok	335,911	1,626,331
Faedah	3,548	70,964
	<u>339,459</u>	<u>1,697,295</u>
Bayaran		
19. Pemiutang Pajak Kewangan–MBB		
Jangka Panjang (1-2 Tahun)		
Pokok	2,652,139	0
Faedah	369,565	0
	<u>3,021,704</u>	<u>0</u>
Bayaran		
20. Kumpulan Wang Pemberian Kerajaan		
Baki Pada Awal Tahun	1,796,464	1,464,478
Tambah:		
Pemberian Dalam Tahun	289,164	403,276
	<u>2,085,628</u>	<u>1,867,754</u>
Tolak:		
Perbelanjaan Dalam Tahun	1,255,785	71,290
	<u>829,843</u>	<u>1,796,464</u>
Baki Pada Akhir Tahun		

	2006 (RM)	2005 (RM)
21. Kumpulan Wang Perayaan Ulangtahun Bandaraya		
Baki Pada Awal Tahun	147,075	(3,684)
Tambah:		
Pindahan dari Akaun Hasil	200,000	472,900
Sumbangan Dalam Tahun	105,477	263,827
	452,552	733,043
Tolak:		
Perbelanjaan Dalam Tahun	295,294	585,968
Baki Pada Akhir Tahun	157,258	147,075

22. Kumpulan Wang Lebihan Terkumpul		
Baki Pada Awal Tahun	103,322,132	84,557,554
Tambah:		
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan	6,737,362	18,764,578
Baki Pada Akhir Tahun	110,059,494	103,322,132

23. Tunai dan Setara Tunai

Tunai dan setara tunai yang dimasukkan dalam Penyata Aliran Tunai yang disatukan adalah terdiri daripada butiran dan jumlah yang dilaporkan dalam Kunci Kira-kira seperti berikut:

	2006 (RM)	2005 (RM)
Pelaburan Simpanan Tetap	6,500,000	1,000,000
Pelaburan Jangka pendek (REPO)	1,500,000	1,000,000
Tunai di Bank dan Tangan	2,198,071	2,481,441
Wang Dalam Transit	129,926	125,568
Tunai dan Setara Tunai Pada Akhir Tahun	10,327,997	4,607,009

## No. 5.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS BANDARAYA IPOH  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

Penyata kewangan Majlis Bandaraya Ipoh bagi tahun berakhir 31 Disember 2007 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakuan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.

3. Kecuali apa yang dinyatakan oleh saya di perenggan 2.1, 2.2 dan 2.3 dalam Laporan Ketua Audit Negara, pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Bandaraya Ipoh pada 31 Disember 2007, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

PUTRAJAYA

Bertarikh 13 Mac 2009

t.t.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

*Ketua Audit Negara*

*Malaysia*

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS BANDARAYA IPOH  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

Laporan Ketua Audit Negara ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Sijil Ketua Audit Negara bagi menyokong pendapat Audit terhadap penyata kewangan tersebut.

2. Pemerhatian Audit terhadap penyata kewangan adalah seperti berikut:

2.1 Hartanah, Loji dan Peralatan

Tanah bagi 14 unit Kedai Pejabat Skim Estet Perindustrian Pengkalan masih terdapat di dalam rekod daftar aset tetap berjumlah RM1.05 juta sedangkan kos bangunan bagi unit tersebut direkodkan di dalam inventori sejumlah RM2.7 juta. Nilai tanah berkenaan sepatutnya menjadi sebahagian daripada kos inventori tetapi nilai inventori yang dicatatkan adalah sama dengan nilai jualan, oleh itu tanah tersebut perlu dihapuskira.

## 2.2 Inventori

2.2.1 Sejumlah RM2.7 juta bagi 14 unit Kedai Pejabat Skim Estet Perindustrian Pengkalan direkodkan sebagai inventori mengikut harga lama yang dicatatkan di dalam perjanjian sewa beli yang ditandatangani oleh para pembeli, Promista Sdn. Bhd. (KPSB) dan Majlis pada tahun 1990an. Bagaimanapun, bangunan-bangunan berkenaan telah diambil alih oleh Majlis setelah pihak pemaju digulungkan kerana gagal menyiapkan projek tersebut. Tiada sebarang dokumen atau maklumat yang boleh mengesahkan bahawa Majlis berupaya mendapat kembali jumlah yang telah diterima oleh KPSB daripada penjualan 14 unit Kedai Pejabat tersebut semasa pelaksanaan projek pada masa itu.

2.2.2 Terdapat 3 daripada 5 unit kedai pejabat yang diberi oleh Majlis sebagai ganjaran kepada pemaju kedua iaitu Ultivictory Sdn. Bhd. (UVSB) telah mempunyai pembeli seperti yang tercatat di dalam rekod Majlis.

## 2.3 Tanah Hakmilik Kerajaan Negeri

Sejumlah RM24.95 juta bangunan-bangunan milikan Majlis didapati masih di atas tanah-tanah Kerajaan Negeri yang belum ditukar hakmilik.

3. Selain daripada mengesahkan Penyata Kewangan tersebut, semakin Audit juga dibuat terhadap prestasi kewangan Majlis Bandaraya Ipoh. Hasil semakan itu dinyatakan dalam perenggan berikut:

3.1 Pada tahun 2007, Majlis telah mengakhiri tahun kewangannya dengan mencatat lebih pendapatan sejumlah RM10.97 juta berbanding tahun 2006 hanya mencatatkan lebih pendapatan berjumlah RM6.74 juta berdasarkan perbelanjaan sejumlah RM114.52 juta dan pendapatan sejumlah RM125.48 juta.

3.2 Kecairan tunai dan setara tunai Majlis telah meningkat kepada RM27.99 juta pada tahun 2007 berbanding RM10.33 juta pada tahun sebelumnya. Selain itu, pada tahun 2007 juga, tanggungan Majlis dilaporkan telah menurun kepada RM28.99 juta dari RM29.59 juta pada tahun 2006

4. Langkah-langkah pembetulan yang sewajarnya hendaklah diambil oleh pihak pengurusan Majlis Bandaraya Ipoh untuk meningkatkan lagi akauntabiliti awam.

PUTRAJAYA

Bertarikh 13 Mac 2009

t.t.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

*Ketua Audit Negara*

*Malaysia*

PENYATA OLEH DATUK BANDAR IPOH  
DAN AHLI MAJLIS

Kami, Haji Roshidi bin Haji Hashim dan Dr Haji Khairuddin bin Dato' Abdul Malik yang merupakan Datuk Bandar Ipoh dan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Ipoh, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Bandaraya Ipoh pada 31 Disember 2007 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Majlis  
HAJI ROSHIDI BIN HAJI  
HASHIM  
*Datuk Bandar Ipoh*  
Bertarikh 31 Oktober 2008

Bagi pihak Majlis  
DR. HAJI KHAIRUDDIN BIN DATO'  
ABDUL MALIK  
*Ahli Majlis*  
Bertarikh 31 Oktober 2008

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA  
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN  
KEWANGAN MAJLIS BANDARAYA IPOH

Saya, Hjh Saidatul Akma binti Jamaludin, Pengarah Kewangan Bandaraya adalah pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Majlis Bandaraya Ipoh dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta

dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan mengikut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
 diakui oleh penama di atas ) .....  
 di Ipoh, Perak Darul Ridzuan )  
 pada 31 Oktober 2008 )

Di hadapan saya,

.....  
 (Pesuruhjaya Sumpah)

LEMBARAN IMBANGAN  
 PADA 31 DISEMBER 2007

	Nota	2007 RM	2006 RM
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>			
Hartanah, Loji dan Peralatan	5	131,411,554	143,662,274
Kerja Dalam Perlaksanaan	6	4,979,204	1,390,806
		<hr/>	<hr/>
		136,390,758	145,053,080
 Aset Semasa:			
Tanah (Tasek)		10	10
Pelaburan Simpanan Tetap		31,500,000	15,000,000
Pelaburan Jangka Pendek (REPO)		0	1,500,000
Bayaran Deposit		349,841	349,841
Bayaran Terdahulu		113,153	113,153
Inventori-Hartanah untuk dijual	7	4,841,530	5,053,250
Penghutang	8	27,959,941	28,595,848
Pendahuluan Pinjaman kepada Anggota	9	517,552	354,693
Wang dalam Transit		96,778	129,926
Tunai di Bank dan di Tangan		4,888,898	2,198,071
		<hr/>	<hr/>
		70,267,703	53,294,792

	Nota	2007 RM	2006 RM
<b>Liabiliti Semasa</b>			
Pemiutang	10	5,605,418	5,941,225
Deposit		6,203,329	6,054,730
Pemiutang Pajak Kewangan	11	1,438,076	1,924,934
Pinjaman Berjangka	12	626,977	499,436
		<u>13,873,800</u>	<u>14,420,325</u>
<b>Aset Semasa Bersih</b>			
		<u>56,393,903</u>	<u>38,874,467</u>
		<u>192,784,661</u>	<u>183,927,547</u>
<b>Dibiayai Oleh:</b>			
Rezab Modal	13	43,382,380	56,187,380
Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	14	9,567,847	0
Kumpulan Wang	15	124,718,385	112,568,076
		<u>177,668,612</u>	<u>168,755,456</u>
<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>			
Pinjaman - Persekutuan	16	11,042,534	11,042,534
Pemiutang Pajak Kewangan	17	1,458,942	1,477,418
Pinjaman Berjangka	18	2,614,573	2,652,139
		<u>15,116,049</u>	<u>15,172,091</u>
		<u>192,784,661</u>	<u>183,927,547</u>

**PENYATA PENDAPATAN  
PADA TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

	Nota	2007 RM	2006 RM
<b>Pendapatan Dalam Tahun</b>			
Hasil Cukai	20	76,276,759	73,469,860
Hasil Bukan Cukai	21	34,231,934	32,015,487
Pelbagai Terimaan	22	14,976,090	9,354,438
		<u>125,484,783</u>	<u>114,839,785</u>



	Nota	2007 RM	2006 RM
Tolak:			
Perbelanjaan Dalam Tahun			
Emolumen	23	57,919,990	50,057,191
Perkhidmatan dan Bekalan	24	35,521,945	37,455,097
Aset	25	787,339	639,945
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	26	687,082	662,703
Susutnilai	27	7,376,280	7,308,497
Pembangunan	28	2,502,435	2,688,855
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	29	9,723,355	9,290,135
Jumlah Belanja Dalam Tahun		114,518,426	108,102,423
Lebih Pendapatan Pindah ke KW		10,966,357	6,737,362
Lebihan Berkumpul			

PENYATA PERUBAHAN EKUITI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

Nota	Rezab Modal	Pinjaman Kenderaan	Pinjaman Komputer	Pemberian Kerajaan	Perayaan Ulang Tahun	Bil Setempat	Program Pembangunan			Jumlah
							RM	RM	RM	
Baki Pada 1-1-2006	56,187,380	1,150,000	350,000	1,796,464	147,075	21,481	0	103,322,132	0	162,974,532
Tambahan Dalam Tahun	0	0	0	289,164	305,477	0	0	0	0	594,641
Kurangan Dalam Tahun	0	0	0	(1,255,785)	(295,294)	0	0	0	0	(1,551,079)
Lebihan Pendapatan Tahun Semasa	0	0	0	0	0	0	0	6,737,362	0	6,737,362
Baki Pada 31-12-2006	56,187,380	1,150,000	350,000	829,843	157,258	21,481	0	110,059,494	0	168,755,456
Tambahan Dalam Tahun	0	0	0	1,565,323	542,436	0	0	100,858	0	2,208,617
Kurangan Dalam Tahun	(12,805,000)	0	0	(479,422)	(545,243)	0	0	0	0	(13,829,665)
Lebihan Pendapatan Tahun Semasa	0	0	0	0	0	0	0	10,966,357	0	10,966,357
Baki Pada 31-12-2007	43,382,380	1,150,000	350,000	1,915,744	154,451	21,481	0	100,858	121,025,851	168,100,765

PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

	Nota	2007	2006
		RM	RM
Aliran tunai daripada aktiviti operasi			
Lebih Pendapatan		10,966,357	6,737,362
Pelarasan bagi			
Perayaan Ulang Tahun Bandaraya		164,414	200,000
Susutnilai		7,376,280	7,308,497
Pelupusan		1,414,660	1,137,500
Pendapatan Tertangguh		(115,671)	0
Faedah Diterima		(1,042,899)	(671,193)
Faedah Dibayar		398,887	472,103
(Kurangan)/Lebih Bersih dari aktiviti operasi sebelum perubahan dalam modal kerja		19,162,028	15,184,269
Kurangan/(Kenaikan) dalam Penghutang		(2,524,962)	(4,746,890)
Tambahan dalam Peruntukan Hutang Ragu		3,160,869	4,403,230
Kenaikan/(Kurangan) dalam Pemiutang		(335,807)	573,657
Kenaikan/(Kurangan) dalam Deposit		148,599	(101,423)
Kurangan/(Kenaikan) dalam pendahuluan berikut:			
Pinjaman Kenderaan		159,855	139,802
Pembelian Komputer		(322,714)	34,743
Kurangan/(Kenaikan) dalam Bayaran Terdahulu		0	113,153
Tunai dihasilkan dari aktiviti operasi		19,447,868	15,600,541
Perayaan Ulang Tahun Bandaraya		(167,221)	(189,817)
Pemberian Kerajaan		1,085,901	(966,621)
Program Kemiskinan Bandar		100,858	0
Tunai bersih dihasilkan dari aktiviti operasi		20,467,406	14,444,103

	Nota	2007 RM	2006 RM
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan			
Kerja dalam peperiksaan		311,602	(829,518)
Inventori (hartanah untuk dijual)		211,720	(2,408,600)
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan		(3,561,702)	(6,948,338)
		<hr/>	<hr/>
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan		(3,038,380)	(10,186,456)
		<hr/>	<hr/>
Aliran tunai daripada aktiviti kewangan			
Faedah-faedah diterima		1,042,899	671,193
Faedah-faedah dibayar		(398,887)	(472,103)
Bayaran pinjaman Kerajaan Negeri		0	(100,000)
Pemiutang Pajakan Kewangan-BIMB		(634,514)	(582,062)
Pemiutang Pajakan Kewangan-Sistemurus		(1,290,420)	(1,205,262)
Pemiutang Pajakan Kewangan-Aim Force		1,419,600	0
Pemiutang Pajaka Kewangan-MBB		89,975	3,151,575
		<hr/>	<hr/>
Tunai bersih (digunakan dalam)/ dihasilkan dari aktiviti kewangan		228,653	1,463,341
		<hr/>	<hr/>
(Penurunan)/Penambahan bersih dalam tunai dan setara tunai		17,657,679	5,720,988
		<hr/>	<hr/>
Tunai dan setara tunai pada awal tahun		10,327,997	4,607,009
		<hr/>	<hr/>
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun	19	27,985,676	10,327,997
		<hr/>	<hr/>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

1. Maklumat Am

1.1 Visi

Ipoh bandaraya tamadun yang dinamik, maju dan sejahtera.

1.2 Aktiviti Utama

Membina identiti bandar raya yang cemerlang berteraskan pembangunan ekonomi yang mampan, suasana persekitaran sosio budaya yang dinamik serta kualiti hidup wargakota yang sejahtera.

### 1.3 Struktur Organisasi

Pentadbiran dan pengurusan Majlis diketuai oleh Datuk Bandar Ipoh dan dibantu oleh 23 orang Ahli Majlis yang juga merupakan Jawatankuasa bagi Majlis Bandaraya Ipoh yang dilantik oleh Kerajaan Negeri bagi membantu membuat keputusan, perancangan dan pelaksanaan. Bagi mencapai objektif Majlis dan meningkatkan kemudahan dan perkhidmatan yang sedia ada, 10 jabatan dan 3 pejabat bahagian di bawah Pengurusan Datuk Bandar dan Setiausaha Bandaraya yang diketuai oleh pegawai pengurusan dan professional.

Jabatan terdiri daripada seperti berikut:

- (1) Jabatan Pentadbiran dan Pembangunan Organisasi Bandaraya
- (2) Jabatan Kejuruteraan Bandaraya
- (3) Jabatan Kewangan Bandaraya
- (4) Jabatan Penilaian Bandaraya
- (5) Jabatan Pelesenan dan Penguatkuasaan Bandaraya
- (6) Jabatan Kesihatan Bandaraya
- (7) Jabatan Perancang Bandaraya
- (8) Jabatan Landskap Bandaraya
- (9) Jabatan Hal Ehwal Awam dan Komuniti Bandaraya
- (10) Jabatan Bangunan Bandaraya

Pejabat Pengurusan Datuk Bandar dan Setiausaha Bandaraya terdiri daripada seperti berikut:

- (1) Pejabat Undang-undang Bandaraya
- (2) Pejabat Perhubungan Awm Bandaraya
- (3) Pejabat Audit Bandaraya

Kumpulan Penjawatan	Penjawatan	Taraf Jawatan	Diisi
JUSA	1	Tetap	1
Pengurusan dan Professional	44	Tetap Kontrak	36 1
Sokongan I	553	Tetap Kontrak	517 10
Sokongan II	1981	Tetap Kontrak Sambilan	1829 11 3

### 1.5 Pengurusan Majlis

Majlis Bandaraya Ipoh ditubuhkan pada 27 Mei 1988 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ia diketuai oleh Datuk Bandar dan dibantu oleh 23 orang Ahli Majlis yang dilantik. Pengurusan Majlis dibahagikan kepada 10 Jabatan dan 3 pejabat bahagian di bawah Pengurusan Datuk Bandar dan Setiausaha Bandaraya yang diketuai oleh pegawai pengurusan dan professional. Majlis bertanggungjawab terhadap pentadbiran, pembangunan dan kemajuan bandar raya Ipoh yang meliputi kawasan pentadbiran seluas 643 km persegi dan kawasan operasi seluas 388 km persegi.

#### Objektif Majlis

Menghasilkan mutu kehidupan yang lebih selesa dan seimbang serta meninggikan taraf hidup bagi semua penduduk dalam kawasan Majlis dengan cara:

- (a) Menyediakan segala kemudahan dan perkhidmatan sebagai asas mencapai mutu kehidupan yang lebih selesa dan meninggikan taraf hidup penduduk dalam kawasan Majlis.
- (b) Memperkemaskan dan meningkatkan mutu perkhidmatan dan perancangan pembangunan dalam semua bidang.
- (c) Menggalak dan menyediakan kemudahan, rekreasi dan riadah awam.
- (d) Mengindahkan bandaraya Ipoh bersesuaian dengan tarafnya sebagai ibu negeri dan pusat pentadbiran negeri Perak Darul Ridzuan di samping menggalakkan industri dan pentadbiran.
- (e) Menggalakkan pertumbuhan industri dan perdagangan.
- (f) Berusaha mencapai objektif dan aspirasi kerajaan termasuk melaksanakan Dasar Pembangunan Nasional.

#### Fungsi Majlis

- (a) Perancangan dan kawalan pembangunan
- (b) Kawalan bangunan, iklan dan papan tanda
- (c) Perkhidmatan pungutan sampah dan kawalan kebersihan bandaraya
- (d) Pelesenan dan kawalan perniagaan/penjajaan
- (e) Pembinaan dan penyelenggaraan jalan-jalan
- (f) Pengurusan lalulintas
- (g) Penyediaan kemudahan awam
- (h) Memperbaiki dan menaikkan taraf kampung-kampung baru/tradisi/tersusun dengan penyediaan kemudahan-kemudahan asas.

#### Kuasa dan bidang kuasa

- (a) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

- (b) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).
- (c) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).
- (d) Undang-undang Kecil Majlis Bandaraya Ipoh.

Majlis Bandaraya Ipoh mengamalkan sistem Jawatankuasa bagi membantu Majlis membuat keputusan-keputusan. Jawatankuasa yang telah ditubuhkan adalah seperti berikut:

- (a) Jawatankuasa Tetap
- (b) Jawatankuasa Eksekutif
- (c) Jawatankuasa Penasihat
- (d) Jawatankuasa Pengurusan Majlis

Jawatankuasa Tetap adalah Jawatankuasa yang ditubuhkan mengikut seksyen 16, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Antara Jawatankuasa Tetap yang ditubuhkan adalah seperti berikut:

- (a) Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).
- (b) Jawatankuasa Perlantikan Anggota
- (c) Jawatankuasa Kenaikan Pangkat
- (d) Lembaga Tatatertib

Jawatankuasa Eksekutif adalah Jawatankuasa yang diwakilkan kuasa Majlis untuk membuat keputusan tanpa perlu pengesahan Majlis Penuh. Antara Jawatankuasa Eksekutif adalah seperti berikut:

- (a) Jawatankuasa Tender
- (b) Jawatankuasa Cukai Taksiran dan Bantahan-bantahan Awam
- (c) Jawatankuasa Pusat Kelulusan Setempat (OSC)
- (d) Jawatankuasa Perancangan dan Kawalan Pembangunan

Jawatankuasa Penasihat pula hanya boleh membuat perakuan dan perakuan tersebut perlu disahkan oleh Majlis Penuh sebelum dilaksanakan. Antara Jawatankuasa Eksekutif adalah seperti berikut:

- (a) Jawatankuasa Penasihat Tujuan-tujuan Am
- (b) Jawatankuasa Penasihat Penamaan Jalan dan Lalulintas
- (c) Jawatankuasa Penasihat Kewangan
- (d) Jawatankuasa Penasihat Pelesenan, Pengiklanan, Penjaja Kecil dan Penguatkuasaan.
- (e) Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Hartanah dan Penswastan
- (f) Jawatankuasa Penasihat Perpustakaan
- (g) Jawatankuasa Penasihat Sosial dan Pendidikan
- (h) Jawatankuasa Penasihat Pengindahan dan Kebersihan

---

Kesemua Jawatankuasa yang ditubuhkan dipengerusikan oleh Datuk Bandar. Ini bertujuan untuk memastikan semua keputusan diselaraskan.

#### 1.6 Sumber Kewangan

Majlis membiayai perbelanjaan mengurus dan pembangunan melalui sumber pendapatan daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan pelbagai terimaan.

Dalam urusan operasi Majlis terdapat berbagai jenis geran dan bantuan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Tujuan bantuan dan pemberian ini diberi adalah untuk pemilikan harta, menampung kos operasi dan projek-projek pembangunan dalam kawasan Majlis bagi pihak Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

### 2. Sumber Perakaunan

#### 2.1 Asas Perakaunan

Penyata kewangan ini disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah selain dari dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan dan menurut piawaian-piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia.

#### 2.2 Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan adalah berdasarkan Kaedah Akruan kecuali pendapatan dari Lesen, Perkhidmatan, Bayaran Letak Kereta, Notis dan Denda.

### 3. Polisi Perakaunan

#### 3.1 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan adalah dinyatakan pada kos atau penilaian semula ditolak susutnilai terkumpul dan sebarang penjejasan kerugian terkumpul.

#### 3.2 Penjejasan Aset

Amaun pembawa hartanah, loji dan peralatan dan pembangunan hartanah akan disemak bagi tujuan penjejasan nilai apabila terdapatnya petunjuk bahawa nilai aset mungkin akan terjejas. Penjejasan nilai dikira dengan membandingkan amaun pembawa aset dengan amaun boleh pulih aset tersebut. Kerugian daripada penjejasan nilai akan dicaj ke penyata pendapatan dengan serta merta kecuali aset-aset yang dibawa pada amaun yang telah dinilai, di dalam kes ini, kerugian daripada penjejasan nilai akan dianggap sebagai pengurangan penilaian.

Kenaikan seterusnya ke atas amaun boleh pulih aset tersebut akan diambil kira sebagai pembalikan terhadap penjejasan nilai sebelum ini dan diiktiraf setakat mana pembawa nilai aset tersebut telah ditentukan (bersih dari pelunasan dan susut nilai) sebelum sebarang penjejasan nilai diiktiraf ke penyata pendapatan dengan serta merta kecuali aset-aset yang dibawa pada amaun yang telah dinilai semula di dalam kes ini, pembalikan kerugian penjejasan akan dianggap sebagai kenaikan penilaian.



### 3.3 Kerja Dalam Perlaksanaan

Kerja dalam perlaksanaan terdiri daripada perbelanjaan Aset Tetap dan pembangunan hartanah. Hartanah yang sedang dalam pembinaan adalah dinyatakan pada kos ditolak kerugian penjejasan yang telah dikenalpasti.

Tiada susutnilai yang diperuntukkan bagi kerja dalam perlaksanaan.

### 3.4 Inventori

Inventori adalah hartanah yang belum dijual dinilai berdasarkan kos pembangunannya dan nilai boleh direalisasi bersih pada nilai yang terendah.

### 3.5 Penghutang

Penghutang dinyatakan pada nilai jangkaan yang boleh direalisasikan. Hutang lapuk akan dihapuskan apabila dikenalpasti.

### 3.6 Peruntukan Hutang Ragu

Peruntukan Hutang Ragu dikenakan ke atas hutang-hutang yang melebihi 6 tahun. Peruntukan Hutang Ragu dinilai dari baki penghutang yang wujud pada akhir tahun.

### 3.7 Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, baki-baki, simpanan dalam bank-bank dan pelaburan jangka pendek yang amat mudah cair yang boleh ditukar dengan mudah kepada tunai dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

### 3.8 Pajakan Kewangan

Pajakan di mana Majlis menganggap sejumlah besar risiko dan ganjaran pemilikan kepunyaan Majlis diklasifikasikan sebagai pajakan kewangan. Aset yang didapati dengan cara pajakan kewangan dinyatakan pada amaun yang sama dengan bayaran minimum pajakan pada mula pajakan, kurang susutnilai terkumpul dan kerugian kemerosotan.

Dalam pengiraan nilai semasa bayaran minimum pajakan, kadar diskaun adalah kadar faedah implicit pajakan, jika ia praktikal boleh ditentukan. Jika tidak, peningkatan pinjaman Majlis digunakan.

### 3.9 Pinjaman Berjangka

Pinjaman berjangka dinyatakan pada amaun pinjaman diterima selepas menolak kos urusniaga.

### 3.10 Penilaian Semula

Bagi Tanah dan Bangunan, penilaian semula dilaksanakan setiap 5 tahun. Penilaian yang terakhir telah dibuat pada tahun 2005 oleh Niza Din & Co. Penilaian dibuat berdasarkan nilai pasaran. Tarikh efektif penilaian tersebut adalah pada 31 Disember 2005.

### 3.11 Geran-geran Kerajaan

Majlis mengiktiraf terimaan geran daripada Kerajaan sebagai pendapatan Majlis. Segala perbelanjaan terus dicajkan kepada penyata pendapatan apabila berlaku pada tahun yang sama. Pembayaran berhubung pembelian Aset Majlis terus dicaj kepada Aset Tetap atau Kerja Dalam Perlaksanaan.

### 3.12 Pendapatan Tertanggung

Pendapatan tertanggung merupakan pendapatan daripada Pemberian Kerajaan Persekutuan atau Negeri. Ia diambilkira sebagai pendapatan mengikut kadar jangka hayat aset berkenaan.

### 3.13 Manfaat Anggota

#### 3.13.1 Manfaat Anggota Jangka Pendek

Gaji, Upahan, Imbuan Tatap, Bonus dan faedah-faedah kewangan lain diakrukan pada tahun kewangan di mana perkhidmatan diberikan oleh anggota Majlis.

#### 3.13.2 Pelan Sumbangan Tertakrif

Kewajipan berkanun bagi majikan untuk membuat sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Caruman Pencen (KWCP) akan diakru dalam penyata pendapatan apabila berlaku.

### 3.14 Susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus.

Kadaran bagi susutnilai yang diamalkan adalah seperti berikut:

(a) Bangunan	2% - 3.125%
(b) Kenderaan dan Loji	20%
(c) Perabot dan Kelengkapan	20%
(d) Aset Sosial	100%

Bagi Tanah Pajak Majlis, ianya disusutnilaikan mengikut tempoh pajakan yang ditetapkan. Bagi Bangunan yang dinilai semula, tempoh jangka hayat bagi harta ini dianggarkan selama 32 tahun atau 3.125% setahun untuk yang dibina sebelum tahun 1993. Sementara yang dibina di antara tahun 1993 hingga 2000 tempoh jangka hayat adalah dianggarkan selama 40 tahun atau 2.5% setahun. Manakala selepas tahun 2000 tempoh adalah dianggarkan selama 46 tahun atau 2.17% setahun.

#### 4. Penyediaan Penyata Kewangan Tahun 2007

##### 4.1 Penyediaan Penyata

Penyata ini telah disediakan secara berintegrasi di antara modul-modul dalam Sistem Perakaunan Bersepadu Berkomputer Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT) Versi Majlis Bandaraya Ipoh mulai pada tahun 2004.

##### 4.2 Penyata-penyata Penyokong

Penyata-penyata penyokong terdiri dari laporan komputer yang disediakan secara automatik dalam SPBT. Walau bagaimanapun perakaunan aset disediakan secara manual kerana Modul Aset belum dibangunkan.

##### 4.3 Stadium Hoki

Perjanjian pengambilan Stadium Hoki dari Majlis Sukan Negeri masih belum ditandatangani. Tindakan untuk menyelaraskan perbelanjaan sebenar kos projek ini akan dibuat setelah segala-galanya muktamad.

##### 4.4 Usahasama Majlis Bandaraya Ipoh dengan Kumpulan Promista Sendirian Berhad (KPSB)

4.4.1 Mengikut keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam memberi persetujuan kepada MBI untuk menjual terus Projek Perindustrian Pengkalan kepada KPSB. Ekoran daripada itu, satu perjanjian di antara MBI dan KPSB telah ditandatangani pada 25 November 1996. Walau bagaimanapun ianya tidak dapat dikuatkuasakan disebabkan beberapa masalah yang dihadapi. Maka satu perjanjian baru ditandatangani pada 27 November 1997.

4.4.2 Pada 13 September 2002, notis penamatan perjanjian bertarikh 27 November 1997 telah dihantar kepada peguam KPSB. Notis penamatan perjanjian mengandungi tuntutan berhubung bayaran sebanyak RM1,067,058.30 dan pembatalan "power of attorney" bertarikh 20 Julai 1989.

4.4.3 Hasil daripada notis tersebut, Majlis telah mengambil alih semua harta yang masih belum dipindah milik kepada KPSB atau pembelinya.

4.4.4 Pihak Majlis telah menyaman KPSB bagi amaun terhutang sebanyak RM1,067,058.30 yang tersebut di atas dan pada 11 Jun 2004. Mahkamah Tinggi Ipoh telah memerintah KPSB membayar kepada MBI sebanyak RM1,067,058.30 beserta faedah sebanyak 8% setahun dari 11 Jun 2004 sehingga tarikh selesai bayaran.

4.4.5 Pada 17 Ogos 2004, peguam Majlis telah menghantar notis kepada KPSB untuk memberitahu bahawa sekiranya KPSB gagal membayar amaun yang tertunggak dalam 21 hari dari tarikh notis diberi, pihak Majlis akan mengambil tindakan berdasarkan Seksyen 218 (1) (e) Akta Syarikat 1965 untuk menggulung syarikat berkenaan. Walau bagaimanapun, pada 17 Februari 2005, peguam Majlis telah mengambil tindakan untuk menggulungkan syarikat tersebut mengikut Seksyen 218 (1) (e) seperti dinyatakan di atas.

4.4.6 Majlis telah mengambil alih semula harta yang masih belum dipindahkan kepada KPSB atau pembelinya. Harta-harta berkenaan seperti berikut:

(a) 68 Lot Tanah Industri yang masih belum dibangunkan (PT 155472 - 1555539)	RM3,002,500
(b) 14 Lot Kedai Pejabat (PT 113600 - 113618)	
– Tanah Pajak	RM1,087,230
– Inventori	RM2,700,000
Jumlah	<u>RM6,789,730</u>

4.4.7 Majlis telah melantik Ultivictory Sdn Bhd untuk menjalankan kerja-kerja menyiapkan 19 unit kedai pejabat yang terbengkalai di Estet Perindustrian Pengkalan. Satu “perjanjian pembinaan” telah ditandatangani di antara MBI dengan Ultivictory Sdn Bhd pada 28 Mac 2007. Sebagai balasan, syarikat bersetuju menerima 5 unit kedai pejabat sebagai kontra kepada nilai kerja menyiapkan kerja-kerja berkenaan. Majlis akan hanya menyerahkan kepada syarikat selepas Sijil Kelayakan Menduduki diperolehi.

#### 4.5 Projek Desa Pengkalan

4.5.1 Kerajaan Negeri telah menyerahkan tanah lot 34255 seluas 74.19 ekar yang terletak di Mukim Ulu Kinta kepada Majlis Bandaraya Ipoh. Ekoran daripada itu, pada 1 Ogos 2001, pihak Majlis telah menandatangani perjanjian dengan Syarikat Teh Teng Seng Realty Sdn Bhd (STTSRSB) di mana pihak STTSRSB akan bertindak sebagai pengurus projek bagi pembangunan Skim Perumahan Desa Pengkalan Maya. Berikut ini adalah jenis-jenis rumah yang dijangka akan disediakan:

Bil.	Jenis-Jenis Rumah	Jumlah Unit (Bil)	Harga Jualan Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1.	Teres Kos Rendah (20' x 60')	311	35,000	10,885,000
2.	Teres Kos Sederhana (20' x 70')	259	50,000	12,950,000
3.	Teres Kos Sederhana (22' x 70')	338	67,000	22,646,000
4.	Setingkat Kos Sederhana (22' x 60')	22	50,000	1,100,000
5.	Berkembar (35' x 65')	10	75,000	750,000
6.	Kedai (20' x 70')	20	100,000	2,000,000
Jumlah				50,331,000

4.5.2 Berdasarkan kepada perjanjian tersebut, pihak Majlis berhak untuk menerima 20% daripada hasil jualan rumah-rumah tersebut. Pihak Majlis dijangka akan menerima jumlah minimum sebanyak RM10,066,200 dan baki 80% sebanyak RM40,264,800 akan diterima oleh STTSRSB. Kos-kos premium tanah akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak STTSRSB dan tiada kos yang akan ditanggung oleh pihak Majlis. Hasil daripada perjanjian, Majlis telah menerima deposit daripada pihak STTSRSB sebanyak RM2 juta.

4.5.3 Berdasarkan kepada perjanjian yang telah ditandatangani di antara MBI dan STTSRSB, jumlah yang patut diterima oleh Majlis tidak dapat ditentukan lagi kerana tiga klausa berikut yang terdapat dalam perjanjian iaitu:

- (a) Sekiranya STTSRSB dapat menjual rumah-rumah tersebut dengan harga yang lebih tinggi daripada yang tercatat di dalam perjanjian, hak Majlis juga akan bertambah.
- (b) Sekiranya STTSRSB menjual rumah-rumah tersebut dengan harga yang lebih rendah pihak Majlis akan tetap menerima jumlah hasil minima iaitu sebanyak RM10,066,200.
- (c) Sekiranya STTSRSB tidak dapat menjual rumah-rumah tersebut disebabkan oleh gangguan ekonomi, pihak Majlis boleh memilih untuk menerima haknya di dalam bentuk rumah-rumah yang telah siap dibina.

- 
- 4.5.4 Walau bagaimanapun Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 26 Jun 2004 bersetuju dengan permohonan yang dikemukakan oleh MBI bagi pembangunan Skim Perumahan Desa Pengkalan seluas 74.19 ekar yang dilaksanakan oleh MBI dan Syarikat Teh Teng Seng Reality Sdn Bhd secara usahasama telah dibatalkan dan bersetuju menandatangani satu perjanjian baru seperti berikut:
- (i) Majlis Bandaraya Ipoh menjual terus Skim Perumahan Desa Pengkalan kepada Syarikat Teh Teng Seng Sdn Bhd Reality Sdn Bhd dengan harga RM10,149,371
  - (ii) Baki harga jualan (yang belum dijelaskan) sebanyak RM6,125,341 hendaklah dibayar berdasarkan jumlah suratan hakmilik yang diserahkan mengikut kadar RM6,700 per hakmilik. Kesemua bayaran mestilah diselesaikan tidak lewat daripada 4 tahun dari tarikh perjanjian baru ditandatangani.
  - (iii) Syarikat dikehendaki menyiapkan semua unit hartanah yang telah ditempah oleh pembeli berjumlah 365 unit seperti pada 10 Mei 2004 dalam tempoh 24 bulan daripada tarikh perjanjian baru ditandatangani.
  - (iv) Syarikat dikehendaki menjelaskan semua bayaran pelan bangunan.
  - (v) Syarikat dikehendaki mematuhi semua syarat pembangunan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri; dan
  - (vi) Syarikat diberi pengecualian dari membayar caruman saliran (kepada MBI) untuk skim perumahan berkenaan.
- 4.5.5 Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 telah dipinda pada tahun 2002 dan berkuatkuasa 1 Disember 2002. Sehubungan dengan itu, Majlis perlu bertanggungjawab bagi skim perumahan yang akan dibangunkan dan tidak terkecuali dari syarat untuk memperolehi lesen pemaju. Lanjutan daripada itu, Syarikat STTSRSB telah bersetuju supaya perjanjian baru telah ditandatangani pada 8 Julai 2005 seperti berikut:
- (i) Berdasarkan dokumen 'Deed of Termination', bersetuju bahawa RM2,000,000 yang telah dibayar oleh STTSRSB semasa menandatangani pada 1 Ogos 2001 akan dianggap sebahagian harga jualan iaitu pulangan kepada Majlis.
  - (ii) Syarikat STTSRSB telah memperolehi Permit Iklan dan Jualan pada 18 November 2005 (sah sehingga 17 November 2006) dan lesen Pemaju Perumahan pada 15 November 2005 (sah sehingga 14 November 2008). Perolehan permit dan lesen ini adalah tertakluk di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan, 1966).

(iii) Tempoh bayaran baki pulangan kepada Majlis hendaklah tidak lewat dari 4 tahun di mana proses pembayaran adalah berdasarkan tarikh perolehan Permit dan Lesen Pemaju Perumahan. Jadual pembayaran adalah seperti berikut:

(a) Bayaran sebahagian harga jualan (Bayaran pada 1 Ogos 2001)	RM2,000,000
(b) Tahun Pertama (Tempoh setahun dari kelulusan Lesen Pemaju Perumahan (Bayaran pada 31-10-06 sebanyak RM201,160 dan 18-12-06 sebanyak RM301,741)	RM502,901
(c) Tahun Kedua *(Jumlah bayaran termasuk nilai bagi 55 unit stok perumahan transit MBI iaitu RM2,024,030. Syarikat perlu menyerahkannya dalam tempoh 24 bulan dari tarikh perjanjian) (Bayaran yang diterima bagi tahun 2007 sebanyak RM1,046,035 dan 53 unit stok perumahan diserahkan kepada MBI)	RM1,005,803 RM2,024,030
(d) Tahun Ketiga	RM2,313,347
(e) Tahun Keempat	RM2,303,290
Jumlah	RM10,149,371

